



Dr Mahathir mendengar penerangan daripada Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun Kementerian Kewangan, Datuk Shahrol Anuar Sarman ketika melawat pameran pada program Eksekutif Pengurusan Tertinggi Badan Berkanun Persekutuan di Putrajaya, baru-baru ini.

Menjiwai amanat Dr Mahathir

BH-3/2/2019 m/s 50

Penulis menghadiri Program Eksekutif Pengurusan Tertinggi Badan Berkanun Persekutuan baru-baru ini dan terkesan dengan amanat Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Paling utama seruan Dr Mahathir agar teknologi terkini digunakan dalam urusan badan berkanun Persekutuan.

Sebagai pemimpin negara yang berpengalaman lama, beliau dapat melihat evolusi pengurusan dan teknologi yang berlaku bukan sahaja dalam badan berkanun, malah agensi kerajaan yang lain.

Kaedah pengurusan yang dahulunya agak tradisional serta kaedah manual dan teknologi yang serba sederhana, kini mengalami perubahan serta kemajuan luar biasa.

Keupayaan jalur lebar

Pada era Revolusi Perindustrian 4.0 sekarang, orang sudah biasa mengaitkannya dengan keperluan *Internet of Things (IOT)*. Kecanggihan pengkomputeran internet dapat menghubungkan pelbagai fungsi bagi menghantar dan menerima data serta urusan lain.

Justeru, badan berkanun wa-

jar memanfaatkan serta meningkatkan penggunaannya dalam pekerjaan seharian.

Ia lebih cepat, murah dan lebih meluas jangkauannya kepada orang ramai dan pelanggan.

Keadaan ini bersesuaian dengan projek kerajaan meningkatkan keupayaan jalur lebar di seluruh negara, termasuk peluas liputan selular.

Jalur lebar Tenaga Nasional Berhad sahaja umpamanya mencapai 900 megabit sesaat (Mbps).

Dengan adanya jaringan jalur lebar yang meluas termasuk di

luar bandar dan pedalaman, penggunaan internet akan lebih menyeluruh dan berkesan.

Dalam program itu, Dr Mahathir juga menyebut badan berkanun sebagai 'kerajaan kecil'. Badan berkanun adalah sebuah agensi separa kerajaan yang ditubuhkan di bawah peruntukan sesebuah Akta Parlimen atau Enakmen Dewan Undangan Negeri.

Prof Datuk Ir Dr Mohd Rizon Juhari,
Rektor Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA)